

Perkembangan Kaedah Tulisan Jawi: Analisa Beberapa Karya Raja Ali Haji Kelana

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid *

Abstract

Jawi Script as a heritage of Malays is an adapted Arabic alphabet for writing Malay language. In order to meet the pronunciation needs of Malay words, some extra characters are added by Malays to Arabic alphabet. Jawi alphabet has existed for many centuries in Nusantara (the Malay world) since the advent of Islam and has been one of the earliest scripts used for writing Malay since Pasai kingdom and the era of Malacca Sultanate. Jawi script had been widely used by Malay scholars in the past as the medium of writing literary works of various fields especially on religion and literature. Since the method of Jawi spelling was influenced to a great extent by Arabic language, the writings of Malay scholars were not even particular in terms of spelling and vowel. Therefore, this article will discuss the development of Jawi script method based on some samples of Raja Ali Haji Kelana, Malay well known author of the 19th century works. Amongst are Syair Gurindam Dua Belas, Pengetahuan Bahasa and Kitab Bustān al-Kātibīn.

* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, M.Us., adalah pensyarah di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1. Kelahiran Tulisan Jawi

Manusia telah mempelajari dan menggunakan berbagai-bagai bentuk tulisan untuk berkomunikasi sesama mereka sejak ribuan tahun yang lampau. Sepanjang sejarah tamadun manusia yang bermula dari Lembah Nil hinggalah ke Gua Niah di Borneo, manusia telah mencipta berbagai jenis tulisan untuk berkomunikasi atau mengabadikan sejarah kelompok masing-masing. Secara umumnya, sistem tulisan boleh dibahagikan kepada tiga bentuk utama iaitu *Ideogram*, *Syllabic*, dan *Phonologis*.¹ *Ideogram* adalah sistem tulisan yang menggunakan lambang yang mewakili makna. Tulisan ini dianggap paling primitif di antara berbagai jenis tulisan yang pernah direka oleh manusia. Huruf Mesir kuno dan huruf Cina termasuk dalam kategori ini. Dalam tulisan Cina, setiap satu huruf melambangkan satu morfem iaitu kata yang dapat mengembalikan tiap-tiap satu perkataan kepada gambar asalnya. Gambar-gambar ini sering digabungkan untuk menyatakan makna yang lebih jelas.²

Manakala sistem tulisan *Syllabic* ialah sistem tulisan yang memberi lambang untuk mewakili suku katanya. Huruf Jepun adalah sejenis sistem tulisan *Syllabic*. Dalam bahasa Jepun, sama ada dalam tulisan “Katakana” atau “Hiragana” bentuk yang mengandungi lebih daripada satu suku kata biasanya digabungkan untuk menjadi perkataan yang dapat menyatakan sesuatu makna yang tertentu.³ Kedua-dua sistem tulisan ini merupakan suku kata yang mengandungi 50 bunyi yang tulisannya berbentuk empat persegi. Tulisan Katakana dan Hiragana lebih mementingkan bunyi berbanding tulisan Kanji yang mementingkan hubungan antara simbol dan perkataan.⁴ Dalam tamadun Melayu, tulisan “*Rencung*” dan “*Jawa*” juga tergolong dalam sistem tulisan *Syllabic*. Huruf Jawa ini diubah sedikit daripada “*Kawi*” yang boleh disebut dengan “*Jawa Kuno*”. Tulisan Kawi

¹ Kang Kyoung Seok (1990), *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.6.

² Abdullah Hasan (1983), *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, h.89.

³ *Ibid.*, h. 91.

⁴ Azhar Mat Arof (2001), “Tamadun Jepun”, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 407.

sebenarnya berasal daripada huruf *Wenggi* iaitu bentuk asal daripada tulisan "*Palava*".⁵

Sistem tulisan *Ponologis* pula ialah tulisan yang menggunakan perlambangan untuk mewakili tiap-tiap fonem, biasanya setiap fonem diberi simbol dengan suatu huruf. Sistem tulisan ini banyak digunakan dalam sistem penulisan pada hari ini. Tulisan Rumawi, Silirik yang banyak digunakan di dalam bahasa Yunani, bahasa Rusia, bahasa Eropah Timur dan termasuk jugalah tulisan Rumi bahasa Melayu termasuk dalam kategori ini.⁶

Kemunculan tulisan Melayu huruf Arab atau yang sekarang ini dikenali dengan nama tulisan Jawi telah digunakan di kalangan masyarakat Melayu sejak awal kedatangan Islam lagi.⁷ Nama "*Jawi*" itu mungkin berasal daripada kata nama bahasa Arab "*Jawah*". Apabila dijadikan kata adjektif "*Jawah*" menjadi "*Jawi*". Perkataan "*Jawah*" atau "*Jawi*" itu berkemungkinan besar berasal daripada perkataan "*Jawadwipa*" iaitu nama bagi daerah Asia Tenggara pada zaman purba. Sebagai buktinya Ibn Baṭūṭah dalam bukunya *al-Rihlah* menamakan nama Sumatera sebagai *al-Jawah*.

Penulis Arab hanya mengambil bahagian kata "*Java*" sahaja, sedangkan perkataan "*dwipa*" ditinggalkan. Kata "*Java*" ini digunakan untuk merujuk ke seluruh daerah Asia Tenggara. Penduduk kawasan ini juga dinisbahkan dengan menggunakan kata itu juga, atau dalam bentuk kata adjektifnya menjadi "*Jawi*". Oleh itu, kata *Jawah* atau *Jawi* merujuk kepada semua bangsa dan kaum yang menjadi pribumi di Asia Tenggara, bukan hanya kepada orang Jawa, penduduk yang berasal dari Pulau Jawa, Indonesia. Ramai para pengkaji sejarah tempatan bersetuju mengatakan bahawa perkataan *Jawah* atau *Jawi* merujuk kepada seluruh rumpun bangsa Melayu, tidak kira sama ada mereka itu orang Melayu, Melayu-Campa, Patani, Aceh, Jawa, Minangkabau, Mandailing, Sunda, Bugis,

⁵ Abdullah Hasan (1983), *op.cit*, h. 91.

⁶ *Ibid.*, h.92

⁷ Hashim Haji Musa (1999), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.1.

Banjar, Lombok, Filipino dan sebagainya lagi.⁸

Oleh sebab inilah, maka para ulama dari Asia Tenggara sering meletakkan nama al-Jawi sebagai *laqab*, pada penghujung nama mereka sekalipun mereka terdiri daripada suku bangsa yang berlainan seperti Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri al-Jawi, Sheikh Abdul Samad al-Falimbani al-Jawi, Syeikh Daud al-Fatani al-Jawi dan lain-lain lagi.⁹ Selain itu, kata Jawi digunakan juga untuk ungkapan-ungkapan seperti bahasa Jawi, masuk Jawi, dan bangsa Jawi. Sehingga kini, orang-orang Arab terutamanya di Semenanjung Arab menamakan orang-orang yang datang dari Malaysia, Indonesia, Pattani di Kepulauan Nusantara sebagai orang Jawi. Istilah “tulisan Jawi” hanya dapat dikenali di Malaysia, Singapura, Patani dan Brunei. Di Indonesia tulisan ini terkenal dengan nama “tulisan Melayu huruf Arab” atau “Tulisan Melayu Arab”.¹⁰

Penggunaan tulisan Jawi atau apa saja istilah yang semakna dengannya digunakan di banyak tempat di Asia Tenggara. Tulisan Jawi bukan hanya digunakan oleh orang Melayu untuk bahasa Melayu, tetapi juga oleh suku-suku bangsa Melayu yang lain. Antara suku bangsa Melayu yang menggunakannya ialah Campa di Indo-China, Patani, di Selatan Thailand, Jawa, Banjar, Bugis, Aceh, Minangkabau, Benghulu dan sebagainya lagi.¹¹

Melalui tulisan Jawi inilah berlakunya perkembangan tradisi persuratan Melayu yang meliputi pelbagai bidang dalam sastera kitab, sastera rakyat, sastera hikayat, sastera epik, sastera sejarah, sejarah undang-undang dan kenegaraan, risalah dan khutbah, prosa dan puisi, klasik dan moden.¹² Hingga akhirnya tulisan Jawi telah menjadi satu bentuk penulisan rasmi bagi masyarakat Melayu pada ketika itu. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah tulisan Jawi ini datangnya setelah tersebarnya agama Islam itu

⁸ Amat Juhari Moain (1996), *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 17.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Ibid.*, h. 17.

¹² Siddiq Fadzil (2006), “Kemelut Tulisan Jawi”, *Majalah Sinar Rohani*. Bil.39. April 2006, h.28.

sendiri di mana kata pengantarnya yang diguna pakai oleh para pendakwah Islam ialah bahasa Arab. Kemudian bahasa Arab ini telah diseraskan dengan bahasa Melayu yang mempunyai banyak kesesuaiannya atau kesamaan dan disebut sebagai tulisan Jawi kerana ianya menunjukkan tempat penggunaan tulisan ini di Kepulauan orang Jawi yang merangkumi pelbagai tempat yang juga dikenali sebagai Kepulauan Nusantara. Ini juga berdasarkan kepada kaedah bahasa Arab itu sendiri maka terbentuklah satu perkataan yang diberi nama sebagai tulisan Jawi.

2. Biodata Raja Ali Haji

Nama penuh beliau ialah Raja Ali Kelana bin Sultan Muhammad Yusuf al-Ahmadi (Yamtuan Muda ke-10, 1858-1899) bin Raja Ali (Yamtuan Muda ke-8, 1844-1857) bin Raja Jaafar (Yamtuan Muda ke-6, 1808-1832) bin Raja Haji al-Syāhidu Fī Sabilillah (Yamtuan Muda ke-4, 1777-1784) bin Opu Daeng Cellak (Yamtuan Muda ke-2, 1729-1746). Daripada nama-nama tersebut dapat disimpulkan bahawa lima orang Yamtuan Muda mulai ayahanda beliau hingga ke atas adalah pertalian lurus pada Raja Ali Kelana. Beliau tidak sempat menjadi Yamtuan Muda kerana kerajaan Riau-Lingga dimansuhkan oleh penjajah Belanda dan sultan terakhir kerajaan Riau-Lingga ialah Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah, saudara Raja Ali Kelana yang berhijrah ke Singapura pada tahun 1911.¹³

Beliau membesar dalam lingkungan golongan bangsawan Melayu dan juga keluarga penyair. Semua ahli keluarganya berbakat dalam bidang kesusasteraan. Ayahandanya merupakan seorang yang terbilang dalam bidang kesusasteraan. Antara karya agung yang dinukilkan oleh ayahanda beliau ialah Syair Ungku Puteri. Adindanya, Raja Saleha dan Raja Daud juga dikatakan pengarang dan pujangga Melayu. Anakanda-anakandanya, Raja Hassan pengarang Syair Burung, Raja Safiah pengarang Syair Kumbang Mengindera dan Raja Kulzum pengarang Syair Saudagar Bodoh. Bahkan cucunya juga terdiri daripada penyair-penyair juga.¹⁴

¹³ Virginia Matheson Hooker (1991), *Tuhfat al-Nafis Sejarah Melayu Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. xxiii.

¹⁴ Abu Hassan Sham (1995), *Syair-syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 208.

Ibunya bernama Hamidah, anak Panglima Perang Malik dari Selangor. Raja Ali Haji mempunyai beberapa orang isteri. Isteri pertama beliau bernama Sulung. Dari perkahwinan dengan isteri pertama, beliau mempunyai beberapa orang anak. Hasil perkahwinan dengan Raja Halimah pula¹⁵ beliau mendapat beberapa orang anak, antaranya ialah Raja Kalthum dan Raja Hassan. Selain itu beliau juga berkahwin dengan Raja Safiah dan Daeng Cahaya.

Latar belakang dan sejarah hidupnya telah dirakamkan oleh beliau sendiri dalam kitab salasilah Raja-raja Melayu yang diberi nama "*Tuhfat al-Nafis*".¹⁶ Beliau merupakan seorang pujangga yang berbakat dalam pelbagai bidang. Kepelbagaian bakatnya ini sukar ditandingi oleh pujangga-pujangga lain baik sebelum atau selepasnya. Raja Ali Haji mempunyai visi yang tersendiri dalam memperbetulkan bangsanya iaitu mengajak bangsanya supaya bermuafakat, jangan memfitnah sesama sendiri dan hidup berlandaskan hukum syariat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dari kebanyakan karya-karyanya terutama dalam Syair Gurindam Dua Belas.

2.1. Pendidikan Raja Ali Haji

Raja Ali Haji semenjak kecil lagi berada dalam lingkungan suasana ilmu pengetahuan. Pembelajaran awal beliau adalah melalui didikan ayahandanya sendiri yang terkenal sebagai seorang ilmuwan pada zamannya. Pada ketika itu, Riau dan Penyegat memang terkenal sebagai pusat kebudayaan Melayu dan agama Islam. Ramai para ulama' datang dan menetap untuk mengajar para pegawai kerajaan mengenai ilmu agama Islam.¹⁷ Maka dengan kesempatan itu beliau mendapat didikan dan keberkatan dari tangan-tangan para ulama' yang mengajar di Riau. Dengan menghampirkan diri kepada para ulama' itu, beliau telah mempelajari selok belok ilmu agama dan tatabahasa Arab.

¹⁵ Isterinya yang kedua iaitu anak kepada Yang Dipertua Muda Raja Ja'afar.

¹⁶ Abu Hassan Sham (1995), *op.cit.*, h. 211.

¹⁷ Virginia Matheson Hooker (1991), *op.cit.*, h.7.

Dalam usia yang muda, beliau telah mengikuti rombongan bersama ayahandanya ke Mekah dan dalam perjalanan itu beliau singgah di Jeddah. Dalam kesempatan ini, beliau mengambil peluang untuk mendalami pelbagai ilmu agama dengan ulama'-ulama' besar di Tanah Arab. Justeru itu tidak hairanlah jika beliau dijadikan sebagai seorang ulama' yang menjadi rujukan dalam permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan keagamaan. Dengan bakat dan ilmu agama yang ada pada Raja Ali Haji, beliau telah dilantik sebagai penasihat dan guru agama kepada Yang Di Pertua Muda Raja Abdul Rahman. Sepanjang memegang jawatan tersebut, Raja Ali Haji telah diberi tanggungjawab untuk mententeramkan Raja Ali iaitu Yang Di Pertua Muda ke-8 dan Raja Abdullah iaitu Yang Di Pertua Muda ke-9, semasa kedua-duanya dalam keadaan nazak.

Sewaktu Raja Ali Haji dalam perjalanan ke Mesir, beliau sekali lagi singgah di Mekah dan sempat memperdalam pelbagai pengetahuan daripada Syeikh Ahmad al-Fathani, Sayid Abdullah al-Zawawi dan lain-lain. Setelah selesai mengerjakan ibadah haji pada tahun 1322 Hijrah bersamaan Februari atau Mac 1905 Masihi, Raja Ali Haji telah menerima bai'ah Thariqat Naqsyabandiyah Mujaddidiyah Ahmadiyah Muzhhariyah daripada keluarga al-Zawawi. Sebelum dari itu, beliau banyak beramal dengan Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah daripada Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minankabawi.

Selain itu, Raja Ali Haji bukan sahaja terkenal sebagai tokoh keagamaan malah beliau juga turut diberi tugas-tugas kenegaraan yang penting. Hal ini dapat dilihat apabila usia beliau baru mencecah 20 tahun, beliau sudah diberi tanggungjawab untuk memikul tugas-tugas penting negara sehingga usianya 32 tahun. Tugas berat ini dipikulnya bersama sepupunya, Raja Ali bin Raja Ja'far sebagai pemerintah di daerah Lingga, mewakili Sultan Muzaffar Syah yang masih muda pada ketika itu.

2.2. Ketokohan Dalam Sasterawan Dan Intelektual

Melihat kepada latar belakang pendidikan yang diperolehinya serta bakat yang ada padanya, jelas menunjukkan beliau bukan sahaja seorang pujangga yang hebat bahkan seorang ilmunan yang agung. Banyak karya

yang dapat dihasilkan beliau seperti *Tuhfat al-Nafis*, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, *Silsilah Melayu dan Bugis*, *Bustān al-Kātibīn*, *Muqaddimah Fī al-Intizām*, *Thamarāt al-Muhimmah* dan sebagainya. Kesemuanya karya yang dihasilkan beliau menjadi karya agung pada zamannya.

Selain itu, Raja Ali Haji dapatlah disifatkan sebagai seorang pengarang yang mempunyai pemerhatian yang tajam dan mempunyai matlamat tertentu dalam penulisan yang dihasilkan beliau. Hal ini jelas kelihatan dalam karya hasil beliau yang kebanyakannya menyeru kepada mengamalkan kehidupan beragama dan setiap tindakan yang hendak dilakukan mestilah berdasarkan landasan syariat Islam. Selain itu, beliau juga mempunyai pengetahuan yang luas dan dapat menulis dengan baik sama ada dari segi bahasa dan kosa kata. Kebanyakan karya yang dihasilkan beliau adalah dipengaruhi oleh gaya bahasa Arab yang ditulis menggunakan tulisan Jawi. Hal ini amat berkait rapat dengan latar belakang pendidikannya yang mendapat pengaruh langsung daripada syeikh-syeikh Arab di samping beliau sendiri yang gemar mengembara ke Tanah Arab untuk mendalami ilmu.

Walaupun Raja Ali Haji seorang tokoh intelektual Islam pada zamannya, namun pemikiran beliau amat berbeza dari beberapa tokoh islah sezaman dengannya seperti Sayid Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin, kedua-duanya terkenal sebagai pelopor 'Kaum Muda'. Walaupun begitu, beliau mempunyai hubungan yang amat erat dengan tokoh aliran kaum muda ini. Perbezaan pandangan dan aliran pemikiran tidak menjauhkan mereka kerana beliau yakin bahawa kepentingan umum dan kemaslahatan umah itu lebih penting dari segalanya.¹⁸

¹⁸ www.waqaf.net, pada 20hb. September 2006, tulisan Haji Wan Mohd. Saghir Abdullah, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara.

Sepanjang hubungan Raja Ali Haji dengan para ulama' di seluruh Nusantara, beliau pernah menerima perlantikan daripada Syeikh Ahmad al-Fathani supaya bergerak dalam bidang percetakan untuk kawasan Singapura dan Riau yang berpusat di tempat pemerintah Riau-Lingga dijalankan, sedang Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani untuk kawasan Kelantan dan Patani yang berpusat di Kota Bharu Kelantan.

2.3. Kemangkatan Raja Ali Haji

Riwayat hidup beliau secara lengkap agar sukar untuk dipastikan umpamanya tentang tarikh kelahiran dan kematiannya, tetapi para sarjana menganggarkan zaman hidupnya antara 1809-1870M. Beliau dimakamkan di Pulau Penyengat dalam kawasan makam Engku Puteri Raja Hamidah. Terdapat banyak peninggalan Kerajaan Melayu-Riau di pulau Penyegat yang masih dapat dilihat hingga ke hari ini.

Di kompleks pemakaman Engku Putri Raja Hamidah bersemadanya Raja Ali Haji dan juga Raja Ahmad. Makam Raja Ali Haji terletak di luar bangunan utama makam Engku Putri. Karya beliau, "*Gurindam Dua Belas*" diabadikan di sepanjang dinding bangunan makam. Setiap pengunjung yang datang dapat membaca dan mencatat karya besarnya yang luar biasa indahny.

3. Syair Gurindam Dua Belas

Buku *Syair Gurindam dua belas* merupakan antara hasil karya Raja Ali Haji yang terawal. Kitab ini telah dikarang sekitar tahun 1264 H/1847 M dengan menggunakan tulisan Jawi. Keunikan kitab ini ialah ia merupakan satu daripada tujuh karyanya yang penting dan sentiasa diingati kerana bentuknya yang mudah dihafal. Sesuai dengan tajuknya iaitu Gurindam Dua Belas, kitab ini mengandungi dua belas fasal yang kesemuanya berkaitan dengan persoalan ibadah, peri kehidupan perseorangan, kewajipan raja, kewajipan anak kepada orang tua, tugas orang tua terhadap anak, tatacara hidup bermasyarakat dan sebagainya.

Gurindam ini terdiri daripada satu kalimah majmuk, kemudian dibahagikan menjadi dua baris yang bersajak. Setiap baris terdiri daripada satu kalimah dan saling berkait antara kalimah pertama dengan kalimah kedua iaitu anak kalimah dengan induk kalimah. Manakala, irama yang digunakan adalah tidak tetap dan senada. Gurindam ini secara keseluruhannya untuk mengutarakan dan memberi nasihat mengenai akhlak yang luhur melalui pepatah atau peribahasa Melayu.

Sebagai contoh, pada fasal yang pertama ditekankan tentang asas kepercayaan dan keyakinan terhadap agama. Ketaatan kepada segala perintah Allah. Barangsiapa yang tidak berpegang kepada ajaran agama maka dia tidak akan dimuliakan sama ada di dunia atau di akhirat. Selain dari itu, beliau juga menasihati bahawa kehidupan di dunia ini penuh dengan tipudaya dan pancaroba yang sentiasa mengoda manusia. Antara nukilan syair Gurindam Dua Belas.

Barang siapa tiada memegang ugama,
Sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama.
Barang siapa mengenal yang empat,
Maka itulah orang yang makrifat.
Barang siapa mengenal Allah,
Suruh dan tegaknya tiada ia menyalah.
Barang siapa mengenal diri,
Maka telah mengenal akan tuhan yang bahari.
Barang siapa mengenal dunia,
Tahulah ia barang yang terpedaya.
Barang siapa mengenal akhirat,
Tahulah ia dunia mudarat.

Dari segi sistem penulisan, di dapati sistem ejaan jawi yang digunakan oleh Raja Ali Haji adalah sama dengan kitab karangan tokoh-tokoh sezaman dengannya. Demikian juga kitab beliau yang lain, *Syair Gurindam Dua Belas* ini juga tidak ada beza dari segi sistem ejaan jawi yang lazim digunakan beliau iaitu seperti berikut:

Jadual 3.1.

Pengunaan Abjad Vokal (a)

Diri	ديري	Jadi	جاد	Tetapi	تتاف
Terlalu	ترلال	Jasa	جاس	Puasa	فواس
Tiada	تياد	Siapa	سياف	Supaya	سفاي
Terpedaya	تفرداي				

Sumber: *Syair Gurindam Dua Belas*

Kebanyakan perkataan dalam kitab *Syair Gurindam Dua Belas* jika pada suku kata awal atau tengah terdiri dari abjad vokal terbuka maka pada suku kata akhir terbuka tidak akan diberikan abjad vokal, seperti contoh di atas. Sistem pemvokalan ini adalah suatu ikutan lumrah di kalangan para penulis atau penyalin sekitar abad ke-16 dan ke-17. Penggunaan abjad vokal hanya digunakan pada suku kata terbuka di awal atau di tengah kata. Adapun pada suku kata akhir biasanya akan digunakan sistem baris tanpa penggunaan abjad vokal.¹⁹

Namun begitu, terdapat juga perkataan yang menggunakan abjad vokal pada suku kata akhir terbuka. Jadual berikut adalah contoh-contoh mengenai kekecualian ini.

Jadual 3.2.

Pengunaan Abjad Vokal (b)

Berseteru	برسترو	Bakti	بكتي	Dengki	دعكي
Makna	معنى	Memberi	ممبري	Duri	دوري
Nescaya	نسچاي	Pandai	فندي	Dunia	دنيا
Aniaya	انياي	Perangai	فراغي		

Sumber: *Syair Gurindam Dua Belas*

Terdapat juga perkataan yang dieja tanpa menggunakan abjad vokal

¹⁹ Hashim Haji Musa (1999), *op.cit*, h. 89.

walaupun pada suku kata terbuka sama ada ianya terletak di awal, tengah atau akhir. Kekecualian ini berlaku mungkin kerana ejaan perkataan itu sudah lumrah dieja dengan sedemikian. Berikut adalah contoh yang menunjukkan penulis tidak menggunakan abjad vokal pada suku kata terbuka.

Jadual 3.3.

Tiada Penggunaan Abjad Vokal Pada Suku Kata Terbuka

Mengambil	مغمل	Memegang	ممكغ	Segala	سكل
Cita	چت	Amat	امت	Serta	سرت
Seperti	سڤرت	Sebelum	سبلم	Janji	جنج
Meninggalkan	منگلکن	Takut	تاکت	Tersebut	ترسبت
Tanda	تند	Nanti	ننت	Perut	ڤرت
Betul	بتل	Kerja	کرج	Di situ	دست
Leka	لاک				

Sumber: *Syair Gurindam Dua Belas*

Selain daripada itu, kedapatan juga beberapa perkataan yang dieja agak menyimpang dari sistem ejaan Jawi atau norma biasa yang digunakan oleh penulis pada zaman itu. Mungkin juga untuk mengeja perkataan ini Raja Ali Haji terpengaruh dengan sistem ejaan Arab yang menggunakan baris pada setiap huruf. Sebagai contoh, beliau mengeja perkataan “dua” dengan ejaan دُو mengikut sistem ejaan baris pengaruh Arab dengan dibuang baris *dommah* pada huruf Dal dan *fathah* pada huruf waw. Berikut adalah contoh-contoh ejaan yang bersifat anakronistik.

Jadual 3.4.
Ejaan Bersifat Anakronistik

Mendengar	منعر	Jamuan	جمون	Dua	دو
Dirimu	دریم	Onar	هونر	Sebangsa	سبڠس
Buang	بوع	Tuan	تون	Serik	شريك
Cari	چارى	Bertiang	برتڠ		

Sumber: *Syair Gurindam Dua Belas*

Penggunaan titik tiga pada huruf "ض" dan huruf "ڇ" amat ketara dalam kitab ini. Malah Raja Ali Haji tidak membezakan antara huruf "ڇ" yang digunakan untuk huruf "f" atau "p". Contoh-contohnya adalah seperti berikut.

Jadual 3.5.
Penggunaan Huruf "ڇ" Dengan Titik Tiga²⁰

Segala	سكل	Bagi	باڠ	Guru	گورو
Terbahagi	ترهڠي	Memegang	ممڠ	Bersegera	برسکرا
Gagah	گاڠه	Berpagarkan	برڤاڠرکن	Gurindam	گړندم

Sumber: *Syair Gurindam Dua Belas*

²⁰ Oleh kerana software huruf Jawi yang digunakan tidak mempunyai aksara , titik tiga maka contoh yang diberikan di atas hanyalah satu titik sahaja.

Jadual 3.6.

Penggunaan Huruf "ف" Dengan Titik Tiga

Apabila	افيل	Fikir	فكر	Panah	فانه
Sempurna	سمفرن	Pun	فون	Serupa	سروف

Sumber: *Syair Gurindam Dua Belas*

Walaupun penggunaan bahasa Malayu dalam kitab ini amat baik dan menyerlah sekali, namun masih terdapat beberapa istilah Arab dikekalkan pada ejaan dan sebutannya. Perkataan ini amat berkait rapat dengan ajaran agama Islam yang mungkin dirasakan lebih tepat jika disebut pada bahasa asalnya iaitu dalam bahasa Arab. Berikut adalah contoh perkataan Arab yang dikekalkan.

Jadual 3.7.

Penggunaan Perkataan Arab

Hamba	عبد	Pengetahuan	معرفة	Sembahyang	صلاة
Perbuatan	فعل	Zakat	زكاة		

Sumber: *Syair Gurindam Dua Belas*

Penggunaan kata berganda kadangkala ditulis dengan menggunakan simbol angka 2 dan terdapat juga beberapa perkataan seperti perkataan berikut yang digandakan tanpa menggunakan simbol angka 2.

Jadual 3.8.
Perkataan Berganda

Berlebih-lebihan	برلب لېهن	cita-cita	چت چت	Muda-mudi	مود مود
Berkata-kata	برکات کات	Bersungguh-sungguh	برسکه سکه		

Sumber: *Syair Gurindam Dua Belas*

4. **Kitab Bustān al-Kātibīn**

Kitab ini ditulis di Riau pada tahun 1267 H/1850 M. Jika dilihat dari sudut seni penggunaan khatnya, tulisan jawi dalam *Kitab Bustān al-Kātibīn* mempunyai seni khat yang terindah antara manuskrip jawi yang wujud sebelumnya seperti manuskrip Surat *Sultan Perkasa Alam Johan Acheh* (1615M), *Hukum Kanun Melaka* (1761M), *Bustan al-Salatin* (1815M). Ini menggambarkan pengajian dan persuratan Melayu tradisional wujud dan berkembang di kalangan golongan istana, pembesar dan para bijak pandai Melayu, tetapi malangnya perkembangan dan penguasaan ini tidak melebar hingga ke seluruh rakyat jelata. Keterbatasan pengajian dan persuratan Melayu ini menimbulkan perasaan tidak senang kepada Abdullah Munsyi yang dengan lantang mengkritik hebat terutama orang Melayu yang buta huruf dan tidak tahu bahasanya sendiri.

Walaupun *Kitab Bustān al-Kātibīn* ini ditulis sezaman dengan *Hikayat Abdullah*, tetapi gaya bahasa dan sistem ejaannya lebih mirip kepada sistem ejaan Melayu lama. Berdasarkan manuskrip *Kitab Bustān al-Kātibīn*, didapati bahawa Raja Ali Haji telah menggunakan sistem pemvokalan secara baris iaitu tanpa penggunaan abjad vokal pada suku kata akhir terbuka dan pada suku kata tertutup sebagai warisan daripada sistem ejaan Jawi lama.

Jadual 4.1.

Tiada Penggunaan Abjad Vokal Pada Suku Kata Akhir Terbuka

Beberapa	بہرہ	Suatu	سوات	Hati	ہات
Dahulu	دھول	Kita	کیت	Penghulu	فٹھول
Mula	مول	Mengaji	معاچ	Ugama	اوگام
Membaca	مباج	Lupa	لوف	Kerana	کارن
Tiada	تیاد	Puji	فوج	Bagi	باک
Ribu	ریب	Satu	ساة	Kata	کات
Pertama	فرتام	Seperti	سثرت	Kota	کوة
Dua	دو	Lima	لیم	Lekas	لکس
Dirimu	دیریم				

Sumber: *Kitab Bustān al-Kātibīn*

Namun begitu, terdapat juga perkataan yang menggunakan abjad vokal pada suku kata akhir terbuka dan suku kata akhir tertutup yang dapat dilihat di merata tempat dalam kitab ini. Jadual berikut adalah contoh-contoh mengenai kekecualian ini.

Jadual 4.2.

Pengunaan Abjad Vokal Pada Akhir Suku Kata Terbuka

Sendiri	سنديري	Jadi	جادي	Bahasa	بھسا
Aku	اکو	Melayu	ملايو	Juru	جورو
Lagi	لاکي	Memberi	ممبري	tanda	تندا
Malu	مالو	Segera	سکرا	Perkara	فرکارا
Bangsa	بھسا	Yakni	يعني	Kami	کامي
Antara	اتارا				

Sumber: *Kitab Bustān al-Kātibīn*

Jadual 4.3.

Pengunaan Abjad Vokal Pada Suku Kata Akhir Tertutup

Atur	اتور	Adab	ادب	Bodoh	بودوه
Mencium	منچوم	Seorang	ساورغ	Tulis	تولیس
Menuntut	مننتوت	Pedang	قدغ	Badan	بدان
Musykil	مشکل	Penuh	فنه	Tidak	تیداق
Terkadang	ترکاداغ	Mengikut	مغیکوت		

Sumber: *Kitab Bustān al-Kātibīn*

Banyak perkataan yang terdapat dalam kitab ini ditulis menggunakan abjad vokal pada suku kata akhir tertutup. Raja Ali Haji lebih gemar menggunakan abjad vokal berkemungkinan untuk mengelakkan kesamaran dan percanggahan seperti yang dianjurkan oleh beliau dalam kaedah ejaan jawi. Beliau menamakan abjad alīf, wāu, dan yā apabila digunakan untuk pemvokalan sebagai huruf-huruf alat.

Jadual 4.4.

Pengunaan Abjad Alif, Wāu, dan Yā Sebagai Huruf Alat

Kurang	كوراغ	Gandum	كدوم	Orang	اوراغ
Boleh	بوليه	Halus	هالوس	Tidak	تيداق
Tidur	تيدور	Tewas	تواس	Awan	اوان
Tilik	تيليك	Sekarang	سكاراغ	Pahlawan	فهلوان
Kecil	كچيل	Kehendak	كهنداق	Secawan	سچاوان
Teladan	تلادان	Haiwan	هيوان	Keluar	كلوار
Shahbandar	شهبندار	Buang	بواغ		

Sumber: *Kitab Bustān al-Kātibīn*

Jadual 4.5.

Ejaan Bersifat Anakronistik

Antara	اتتاراهم	Seorang	سورغ	Tidak	تيداق
Memikirkan	ممثيكركن	Badan	بدان، بادان	Tuntut	تنتوت
Berkehendak	بركهندق	Buat	بوة	Dua	دو، دوا
Mengarang	مغارغ	Kuat	كوة	Bau	باهو
Sudah	سده	Belajar	برلاجر		

Sumber: *Kitab Bustān al-Kātibīn*

Jadual 4.6.

Huruf “ك” Yang Tidak Bertitik

Juga	جوك	Lagi	لاك	Hingga	هنگك
Gaji	كاحي	Sungguh	سغكوه	Segala	سكل
Ugama	اوكام	Temenggong	تغكوغ		

Sumber: *Kitab Bustān al-Kātibīn*

5. Kitab Pengetahuan Bahasa

Kitab Pengetahuan Bahasa ditulis pada tahun 1275 H/1858 M di Riau tetapi percetakannya telah dilakukan di Singapura pada tahun 1348 H/1929 M oleh percetakan al-Ahmadiyah Press. Walaupun percetakannya dibuat lebih kurang 70 tahun sesudah penulisan, namun ejaannya masih dikekalkan dalam bentuk asal.²¹ Buku ini tamat sehingga abjad Cha iaitu abjad keenam dalam huruf Jawi. Ia merangkumi 465 halaman dan dalam 32 halaman awalnya mengandungi keterangan tentang tatabahasa Arab yang cuba diterapkan ke dalam Bahasa Melayu.²²

Melihat kepada isi kandungannya dapatlah dikatakan bahawa *Kitab Pengetahuan Bahasa* ini lebih bersifat kamus monolingual Bahasa Melayu yang disusun secara tidak lazim sebagaimana kamus-kamus yang lain. Kamus ini hanya mengambil persamaan suku kata pertama dan terakhir yang mana penyusunannya adalah lebih rumit berbanding kamus lain yang ada sekarang.

Secara umumnya, kaedah ejaan Jawi yang cuba diketengahkan dalam kitab ini menyamai kaedah ejaan yang terdapat dalam manuskrip *Bustān al-Kātibīn*, kecuali ada beberapa gejala yang mungkin secara sengaja atau secara tidak sengaja berlaku pada ketika susun atur percetakan atau sebaliknya. Antaranya perkataan yang lebih ketara adalah seperti perkataan manusia dieja "مانسيا" dan perkataan buat "بواة".

Selain itu, penggunaan titik pada abjad ك dalam kitab ini adalah lebih sempurna iaitu dengan menggunakan satu titik. Sementara penggunaan titik pada abjad ف adalah menggunakan tiga titik berbanding satu titik dalam penulisan yang terdapat dalam kitab *Bustān al-Kātibīn*. Dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* ini juga terdapat banyak abjad س digunakan silih berganti dengan abjad ص pada akhir kata untuk mengeja perkataan yang sama. Sebagai contohnya.

²¹ Hashim Musa (1999), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, h.159.

²² *Ibid.*

Jadual 5.1

Penggunaan Abjad ء Dan ؤ Pada Akhir Kata Untuk Mengeja Perkataan Yang Sama

Ayak	ايق، اياء	Onak	اونق، اوناء	Adik	اديق، اديء
Elok	ايلوق، ايلوء				

Sumber: *Kitab Pengetahuan Bahasa*

6. Kesimpulan

Berdasarkan kepada tiga buah karya yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa kaedah ejaan Jawi yang telah digunapakai oleh beliau. Kaedah-kaedah yang diperkenalkan itu hampir sama dan tidak ada banyak perbezaan yang ketara antara satu sama lain di antara kitab-kitab karya beliau. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya kebanyakan karya asal Raja Ali Haji telah dicetak semula oleh penyalin atau pencetak dengan pengubahsuaian yang dilakukan dengan sengaja sementara karya beliau yang asli sukar didapati.

Selain itu, penulis dapati beliau lebih gemar menggunakan sistem ejaan pemvokalan iaitu huruf Alīf, Wāu, Yā, dalam semua penulisan beliau. Sepanjang pemerhatian ini juga, didapati terdapat beberapa perubahan yang telah dilakukan oleh Raja Ali Haji dalam penulisan beliau. Antara perubahan yang dapat dilihat berdasarkan ketiga-tiga karya beliau ini ialah huruf Fa, yang mana dalam Gurindam Dua Belas dan Kitab Bustān al-Kātibīn beliau telah menggunakan tiga titik kemudian berubah menjadi satu titik dalam Kitab Muqadimah Fī al-Intizām dan menjadi lebih sempurna pada Kitab Pengetahuan Bahasa yang mana dalam kitab ini beliau telah menggunakan Pa dengan titik tiga dan Fa dengan titik satu untuk membezakan antara huruf P dan F.

Begitu juga dengan penggunaan huruf Gha dalam Kitab Pengetahuan Bahasa, yang mana beliau telah menggunakan satu titik berbanding dengan tiga titik pada kitab sebelumnya. Di samping itu, Raja Ali Haji juga gemar menggunakan perkataan Arab dalam penulisan beliau. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengaruh pendidikan beliau yang kebanyakannya datang dari Timur Tengah di samping beliau sendiri banyak belajar ilmu daripada pedagang-pedagang Arab sama ada di jempot khas atau yang datang untuk berdagang ke Riau.